



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLE's digital services during this period.

## Sambutan dingin bagi projek bina rumah baru Persisi

Berita Harian, 16 August 2000, Page 19

Article also available on Microfilm Reel NL22000

Printer-Friendly Page

### Sambutan dingin bagi projek bina rumah baru Persisi

Sekadar \$1,000 terkumpul sejauh ini dari matlamat \$1.5j

#### SILAT

OLEH YUSOFF A. RAHMAN

**SEBOLEH-BOLEH-NYA** mereka ingin mengumpulkan \$1.5 juta dalam masa dua hari.

Tetapi sejauh ini, Persekutuan Silat Singapura (Persisi) hanya dapat mengumpulkan \$1,000.

Ini adalah kerana sokongan syarikat-syarikat terhadap rancangan Persisi untuk menganjurkan persembahan silat selama 2,000 minit di Taman Belia Nasional di Or-

Sepak Takraw Singapura (Persep) dengan setiap persekutuan telah diminta oleh Majlis Sukan Singapura (SSC) mengumpulkan \$750,000.

"Sejauh ini, hanya dua syarikat yang telah mengesahkan akan menghulurkan derma untuk persembahan tersebut," kata Sheik Alaudin Yaacob, Pengarah Teknikal Persisi, yang ditugaskan untuk mengendalikan projek itu.

Selain NTUC Income, Persisi juga menerima soko-

chard Road pada 14 dan 15 Oktober ini, begitu dingin sekali.

Mengikut projek Persembahan Silat 2,000 minit Alaf Baru, syarikat-syarikat diminta menderma \$500 untuk setiap minit persembahan pada hari tersebut.

Wang dikumpulkan itu nanti akan digunakan untuk menampung keperluan pembinaan rumah barunya di kawasan Bedok nanti.

Projek pembinaan yang menelan belanja \$2.5 juta itu juga melibatkan Persekutuan

ngan daripada Syarikat Pembinaan Hexacon.

Persisi telahpun mengirimkan surat kepada 1,000 syarikat dan bakinya akan disusuli kemudian.

"Kami menerima pelbagai alasan kenapa sesetengah syarikat keberatan membantu projek kami ini.

"Antaranya, mereka telah terbabit dengan projek amal bersama badan-badan lain," ujar Sheik.

Walaupun Sheik agak kecewa dengan sambutan dingin itu, tetapi beliau berharap

keadaan akan berubah sebelum akhir bulan depan.

"Tetapi jika sambutan terus dingin, maka kami akan membatalkan projek ini dan akan menghubungi syarikat-syarikat untuk mendapatkan kebenaran agar derma mereka itu dapat disalurkan terus kepada projek pembinaan kami," sambung Sheik.

Persisi, ujarinya, tidak membataskan rancangan mengumpulkan dana kepada projek persembahan silat itu sahaja.

Antara projek lain termasuk golf amal, pesta keluarga dan juga ekspo.

**"Sejauh ini, hanya dua syarikat yang telah mengesahkan akan menghulurkan derma... Kami menerima pelbagai alasan kenapa sesetengah syarikat keberatan membantu projek kami ini. Antaranya, mereka telah terbabit dengan projek amal bersama badan-badan lain."**

— Sheik Alauddin Yaacob, Pengarah Teknikal Persisi.